



28 APR, 2025

Kembang sayap ke UK

Harian Metro, Malaysia



Ber nama

Newcastle

Tenaga Nasional Bhd (TNB) mampu mengembangkan dan terus meningkatkan keupayaannya dalam bidang tenaga di luar negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof (**gambar**).

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, pelaburan TNB dalam syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) di sini menunjukkan kemampuan syarikat Malaysia untuk melabur dan mengembangkan sayap di peringkat antarabangsa.

Katanya, pelaburan itu dibuat menerusi syarikat milik penuh TNB, Vantage RE Ltd (Vantage RE).

"Syabas dan tahniah kepada TNB kerana meneroka dan mengembangkan sayap mereka ke peringkat antarabangsa khususnya di United Kingdom (UK). UK ini luas termasuklah di Ireland, Scotland dan sebagainya. Ini menunjukkan kemampuan syarikat Malaysia yang akhirnya memberi pulangan bukan sahaja kepada TNB malah kepada negara dari segi pelaburan luar," katanya kepada pemerita selepas melawat Blyth Offshore Windfarm di sini pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pegawai Te-

Bisnes



Kembang sayap ke UK

TNB labur dalam syarikat ladang angin luar pesisir BODL

naga Baharu TNB, Mohd Zarihi Mohd Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy Bhd, Datuk Sharbini Suhaili.

Fadillah berharap lebih banyak syarikat terutamanya syarikat berkaitan ke-

rajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) melihat potensi pelaburan di luar negara.

Ladang angin luar pesisir berkapasiti 41.5 megawatt (MW) dan mula beroperasi pada 2017 itu terletak kira-kira 6.5 kilometer dari

pesisir pantai. Vantage RE memiliki 49 peratus pegangan saham BODL yang juga pemilik ladang berkenaan.

Vantage RE mengendalikan dan membangunkan portfolio aset tenaga boleh baharu (TBB) TNB seba-

nyak 1.3 gigawatt (GW) di UK dan Ireland. Pengurusan dan pembangunan aset TBB ini membabitkan kepakaran TNB bersama-sama kemahiran tempatan di UK.

Baru-baru ini, Vantage RE juga membina 100 MW

ladang solar di UK yang akan dilengkapi dengan sistem penyimpanan bateri tenaga (BESS) pada masa depan. Dengan kemahiran yang diperoleh, TNB akan dapat menerajui dan menjadi pemangkin industri RE di Malaysia.